



جائزہ کیلئے عینہ کریم جوہر

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM



Tel. : 07-2199000
Faks : 07-2213133

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (54)
Takwim : 18 Muharam 1447H
Tarikh : 14 Julai 2025

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Pendaftar-pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR BILANGAN 8 TAHUN 2025

GARIS PANDUAN LALUAN KHAS PERMOHONAN PERCERAIAN

Saya ingin menarik perhatian YA Tuan/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Hakim-hakim Syarie Negeri Johor Bil. 2/2025 bertarih 18 Jun 2025 bersamaan 21 Zulhijjah 1446H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Garis Panduan Laluan Khas Permohonan Perceraian di Mahkamah Syariah seluruh Negeri Johor adalah sebagaimana di Lampiran A.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 16 Julai 2025.



(DATO' HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
7. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan
8. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor

GARIS PANDUAN LALUAN KHAS PERMOHONAN PERCERAIAN

1. PEMAKAIAN

Garis Panduan ini terpakai dalam semua prosiding Permohonan Perceraian di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 di Mahkamah Syariah seluruh Negeri Johor yang dijalankan secara Laluan Khas.

2. SYARAT UMUM

Pengendalian kes laluan khas ini adalah tertakluk kepada kesediaan Mahkamah untuk mengendalikan kes pada hari-hari yang berkenaan.

3. PENGENDALIAN KES

3.1 Kategori Kes Laluan Khas

Mana-mana kes Permohonan Perceraian di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 hanya akan dikategorikan sebagai kes Laluan Khas jika menepati semua syarat-syarat berikut;

(i) Pemohon dan Responden hadir dan melaporkan diri di kaunter pendaftaran sebelum pukul 9.00 pagi; dan

(ii) Pemohon/Peguam Syariahnya mengemukakan sekurang-kurangnya 3 salinan dokumen berikut:

- (a) Surat iringan;
- (b) Maklumat Pihak-pihak;
- (c) Permohonan (Borang MS 3);
- (d) Afidavit (Borang MS 26); dan
- (e) Wakalah (Borang MS 5) dan Perintah Draf, jika Pemohon diwakili Peguam Syarie.

- (iii) Dokumen yang dikemukakan oleh Pemohon adalah lengkap dan mematuhi kehendak undang-undang;
- (iv) Pemohon dan Responden setuju untuk bercerai; dan
- (v) Tidak ada apa-apa halangan undang-undang dan hukum syarak.

3.2 Pengenalpastian pihak-pihak

Pemohon dan Responden dalam kes Laluan Khas hendaklah diberikan penandaan oleh Mahkamah dan hendaklah menunggu giliran di tempat yang ditetapkan oleh Mahkamah. Penandaan ini hendaklah diambil semula jika kes dikeluarkan daripada kategori Laluan Khas di mana-mana peringkat prosiding.

3.3 Tempoh Penyelesaian Kes

Sesuai kes Laluan Khas hendaklah diselesaikan dalam tempoh 6 jam daripada tarikh dan masa pendaftaran disempurnakan dan fi dibayar oleh Pemohon hingga penyerahan perintah bersih kepada pihak-pihak.

3.4 Pengeluaran kes daripada kategori kes Laluan Khas

3.4.1 Sesuatu kes yang telah dikategorikan sebagai kes Laluan Khas, boleh dikeluarkan daripada kategori tersebut jika:-

- (i) Mahkamah tidak bersedia untuk menjalankan kes atas apa-apa sebab tertentu.
- (ii) Pemohon dan/atau Responden tidak ada apabila dipanggil ketika tiba giliran kes mereka untuk pendaftaran, pembayaran fi, penyemakan dokumen, pendengaran atau penyerahan perintah.
- (iii) Pemohon tidak mengemukakan dokumen untuk pendaftaran kes iaitu Permohonan dan Afidavit (Borang MS 3 dan Borang MS 26), atau jumlah salinan tidak mencukupi;
- (iv) Kes tidak selesai didaftarkan dan fi tidak dibayar sebelum pukul 10.00 pagi hari yang sama;
- (v) Dokumen yang dikemukakan oleh Pemohon tidak lengkap dan/atau tidak mematuhi kehendak undang-undang;

- (vi) Pemohon dan/atau Responden tidak setuju untuk bercerai; atau
- (vii) Terdapat apa-apa halangan undang-undang dan hukum syarak.

3.4.2 Apabila sesuatu kes dikeluarkan daripada kategori Laluan Khas, maka Mahkamah hendaklah:-

- (i) mengkategorikan kes tersebut sebagai kes biasa;
- (ii) mengambil semula penandaan Laluan Khas daripada pihak-pihak; dan
- (iii) meneruskan prosiding selanjutnya sama ada bagi melengkapkan dokumen, pendengaran, atau apa-apa prosiding lain pada hari yang sama atau pada tarikh yang lain.

3.5 Proses Kerja

Proses kerja bagi Laluan Khas Permohonan Perceraian adalah sebagaimana **Lampiran B**.

PROSES KERJA

GARIS PANDUAN LALUAN KHAS PERMOHONAN PERCERAIAN

Pegawai Bertanggungjawab	Proses Kerja
Petugas Kaunter Pendaftaran	1. Mengkategorikan Kes Laluan Khas setelah memastikan:- (i) Pemohon dan Responden hadir dan melaporkan diri di kaunter pendaftaran sebelum pukul 9.00 pagi; (ii) Pemohon/Peguam Syariahnya mengemukakan sekurang-kurangnya 3 salinan dokumen berikut: (c) Surat iringan; (d) Maklumat Pihak-pihak; (c) Permohonan (Borang MS 3); (d) Afidavit (Borang MS 26); dan (e) Wakalah (Borang MS 5) dan Perintah Draf, jika Pemohon diwakili Peguam Syarie (iii) Dokumen yang dikemukakan oleh Pemohon adalah lengkap dan mematuhi kehendak undang-undang; (iv) Pemohon dan Responden setuju untuk bercerai; dan (v) Tidak ada apa-apa halangan undang-undang dan hukum syarak. 2. Menerima dokumen dan mendaftarkan kes di dalam sistem e-Syariah.

	3. Membuat perkiraan fi dan mengarahkan Pemohon membuat pembayaran di kaunter kewangan.
Petugas Kaunter Kewangan	4. Menerima bayaran fi, mengeluarkan resit dan menyerahkannya kepada pembayar.
Petugas Kaunter Pendaftaran	5. Jika kes selesai didaftarkan dan fi telah dibayar sebelum pukul 10.00 pagi, memberi penandaan "Laluan Khas" kepada pihak-pihak, dan terus ke proses kerja 6. Jika kes didaftarkan atau fi dibayar selepas pukul 10.00 pagi, mengeluarkan kes daripada kategori Laluan Khas dan terus ke proses kerja 18. 6. Membuka fail fizikal dan menyerahkannya kepada Penolong Pendaftar.
Penolong Pendaftar	7. Menerima fail kes, menyemak dokumen yang difailkan Pemohon, mendengar wakalah Peguam Syarie (jika diwakili), menandatangani Permohonan dan Afidavit serta merekodkan persetujuan bersama (jika ada). Jika lengkap, terus ke proses kerja 8. Jika tidak lengkap, mengeluarkan kes daripada kategori Laluan Khas dan terus ke proses kerja 18. 8. Mengarahkan Pemohon dan Responden menunggu di tempat menunggu yang ditetapkan. 9. Memaklumkan kepada Pembantu Hakim yang bertugas akan kehadiran pihak-pihak Laluan Khas.

Pembantu Hakim	10. Membawa pihak-pihak kes Laluan Khas ke hadapan Hakim dengan kadar segera.
Hakim	11. Menjalankan pendengaran kes. 12. Jika ada persetujuan Pemohon dan Responden untuk bercerai dan tidak ada apa-apa halangan undang-undang dan hukum syarak, membenarkan dan merekodkan perceraian dan membuat keputusan. Jika tiada persetujuan pihak-pihak untuk bercerai atau ada apa-apa halangan undang-undang dan hukum syarak, kes dikeluarkan daripada kategori Laluan Khas dan terus ke proses kerja 18.
Pembantu Hakim	13. Menyediakan draf Perintah jika pihak-pihak tidak diwakili Peguam Syarie.
Hakim	14. Menyemak, menandatangani dan menyerahkan draf Perintah/Perintah Draf kepada Pembantu Hakim.
Pembantu Hakim	15. Menyediakan Perintah bersih jika pihak-pihak tidak diwakili Peguam Syarie dan menyerahkannya kepada Hakim untuk ditandatangani.
Hakim	16. Menandatangani Perintah bersih.

Pembantu Hakim	17. Menyerahkan Perintah bersih kepada pihak-pihak atau Peguam Syarie dalam tempoh 6 jam daripada tarikh dan masa kes didaftarkan. atau, tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak, menetapkan tarikh dan masa pengambilan Perintah bersih oleh pihak-pihak.
Pembantu Hakim	18. Jika kes dikeluarkan daripada kategori Laluan Khas, maka:- (i) mengkategorikan kes sebagai kes biasa; (ii) mengambil semula penandaan Laluan Khas daripada pihak-pihak; dan (iii) meneruskan prosiding selanjutnya sama ada bagi melengkapkan dokumen, pendengaran, atau apa-apa prosiding lain pada hari yang sama atau pada tarikh yang lain.